KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

Rujukan Kami : PKPMP.PKHN.600-2/3/1
Tarikh : 23 April 2026

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

YA-YA,

SURAT PENTING KETUA HAKIM NEGARA BIL. 1 TAHUN 2026
KEHADIRAN YA HAKIM / PESURUHJAYA KEHAKIMAN
KE PEJABAT SEMASA TEMPOH MASA REHAT MAHKAMAH

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Masa Rehat Mahkamah merupakan suatu tempoh di mana Mahkamah terbuka tidak bersidang untuk menjalankan tugasnya. Perisytiharan Masa Rehat Mahkamah adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh YAA Ketua Hakim Negara, YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Malaya atau YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, mengikut bidang kuasa masing-masing dan diwartakan dari semasa ke semasa.

3. Adalah dimaklumkan bahawa semasa tempoh Masa Rehat Mahkamah, Pejabat Pendaftaran Mahkamah di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi masih tetap beroperasi seperti biasa. Oleh yang demikian itu, apa-apa perkara yang difailkan dengan perakuan segera dan/atau apa-apa perkara yang memerlukan tindakan segera, perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman yang bertugas semasa Masa Rehat Mahkamah tersebut untuk arahan selanjutnya.

4. Sukacita saya ingin menekankan bahawa semua YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah hadir bertugas di pejabat seperti biasa sepanjang tempoh Masa Rehat Mahkamah, tanpa mengambil kira sama ada YA berkenaan dilantik atau tidak dilantik untuk bertugas semasa tempoh tersebut, melainkan sekiranya YA berkenaan bercuti dengan kebenaran YAA Ketua Hakim Negara, YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Malaya atau YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

5. Adalah diingatkan juga bahawa Masa Rehat Mahkamah bukanlah suatu bentuk cuti bagi YA-YA. Sebaliknya, tempoh ini perlulah dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyediakan alasan penghakiman, meneliti kes-kes yang sedang berjalan, membuat penyelidikan undang-undang, mengikuti perkembangan perundangan terkini di bidang kuasa lain dan melaksanakan tugas-tugas kehakiman yang lain. Hal ini selaras dengan Perenggan 7 Kod Etika Hakim 2009 yang menuntut agar tugas kehakiman diberikan keutamaan dan dilaksanakan secara adil, cekap, tekun, serta pantas, termasuklah juga kewajipan untuk menulis alasan penghakiman dengan segera.

Arahan ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

(DATUK SERI PANGLIMA WAN AHMAD FARID BIN WAN SALLEH)
Ketua Hakim Negara

SALINAN KEPADA:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah